

# KEBERKESANAN PENGGUNAAN PETA ALIR (FLOW MAP) DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN PENULISAN KARANGAN NARATIF BAHASA TAMIL TAHUN 5

## *THE EFFECTIVENESS OF USING FLOW MAPS IN ENHANCING NARRATIVE WRITING SKILLS IN TAMIL LANGUAGE AMONG YEAR 5 PUPILS*

Kanaga Manickam<sup>1\*</sup>  
Muniisvaran Kumar<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia,  
(E-mail: gsky23@yahoo.com)

<sup>2</sup> Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia,  
(E-mail: muniisvaran@fbk.upsi.edu.my)

\*Corresponding author: gsky23@yahoo.com

### Article history

Received date : 26-8-2025

Revised date : 27-8-2025

Accepted date : 1-10-2025

Published date : 11-10-2025

### To cite this document:

Manickam, K., & Kumar, M. (2025). Keberkesanan penggunaan peta alir (*Flow Map*) dalam meningkatkan kemahiran penulisan karangan naratif bahasa Tamil tahun 5. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (76), 900 - 914.

**Abstrak:** *Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan penggunaan peta alir dalam meningkatkan kemahiran penulisan karangan naratif Bahasa Tamil dalam kalangan murid Tahun 5 di sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di Kedah. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah kuasi-eksperimental melibatkan 40 orang murid yang dibahagikan kepada kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Kumpulan eksperimen menerima intervensi pengajaran menggunakan peta alir manakala kumpulan kawalan mengikuti pengajaran konvensional. Instrumen kajian terdiri daripada ujian pra dan ujian pasca yang dinilai berdasarkan rubrik penulisan naratif yang merangkumi aspek struktur, kandungan dan bahasa. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam pencapaian kumpulan eksperimen berbanding kumpulan kawalan, serta peningkatan ketara skor sebelum dan selepas intervensi. Secara keseluruhannya, penggunaan peta alir didapati dapat membantu murid merancang penulisan secara sistematik dan menghasilkan karangan yang lebih berkualiti. Kajian ini mencadangkan agar pendekatan visual seperti peta alir diterapkan secara meluas dalam pengajaran penulisan Bahasa Tamil di sekolah rendah.*

**Kata Kunci:** *Peta Alir, Penulisan Naratif, Bahasa Tamil, Murid Tahun 5, Penulisan Karangan*

**Abstract:** *This study aims to evaluate the effectiveness of using flow maps in enhancing Tamil narrative writing skills among Year 5 students in a Tamil vernacular primary school (SJKT) in Kedah. A quasi-experimental design was employed involving 40 students who were divided into experimental and control groups. The experimental group received instructional intervention using flow maps, while the control group received conventional teaching. The research instruments consisted of pre- and post-tests assessed using a narrative writing rubric covering structure, content, and language aspects. The findings revealed a significant improvement in the performance of the experimental group compared to the control group, as well as a notable increase in scores before and after the intervention. Overall, the use of flow maps effectively helped students organize their ideas systematically and produce higher-quality compositions. The study recommends the broader application of visual-based strategies such as flow maps in teaching Tamil writing at the primary level.*

**Keywords:** *flow maps, narrative writing, Tamil language, Year 5 students, composition writing*

## Pengenalan

Kemahiran menulis karangan naratif merupakan aspek penting dalam pendidikan murid sekolah rendah. Namun begitu, ramai murid Tahun 5 masih menghadapi cabaran dalam menyusun idea secara logik, membina plot yang koheren serta menyampaikan cerita dengan gaya naratif yang berkesan. Kajian menunjukkan bahawa penggunaan *graphic organizer* seperti *flow map* dapat menyediakan struktur visual yang membantu murid menyusun idea sebelum menulis, sekali gus memupuk penulisan yang lebih berstruktur (Selvaraj & Aziz, 2020). Hal ini menjadikan kajian mengenai keberkesanan alat seperti *flow map* dalam konteks pengajaran bahasa Tamil sangat relevan dalam usaha meningkatkan kemahiran literasi murid. *Flow map* berfungsi sebagai alat bantu visual yang memetakan urutan peristiwa dalam naratif, seperti babak permulaan, konflik, klimaks dan penyelesaian mengikut susunan yang jelas. Siti Suraya (2023) mendapati bahawa teknik ini dapat meningkatkan kefahaman murid terhadap struktur cerita serta memudahkan proses penulisan naratif kerana mereka dapat merancang sebelum menulis. Kwan dan Mohamed Mokhtar (2022) menyatakan bahawa pelajar mendapati teknik ini mudah digunakan, sekali gus meningkatkan pencapaian dalam penulisan serta membentuk sikap positif terhadap proses menulis.

Murid sekolah rendah di Malaysia yang menggunakan *flow chart* sebagai *scaffolding* menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam pencapaian penulisan naratif selepas sesi intervensi (Norliza Abdullah, Zulkifli Osman & Abdul Munir Ismail, 2021). Kajian ini, melibatkan dua kumpulan (kawalan dan intervensi), mendapati skor *post-test* murid meningkat, di samping menunjukkan sikap yang lebih positif terhadap penggunaan teknik ini (Selvaraj & Aziz, 2020). Dapatan ini menunjukkan potensi *flow map* sebagai strategi pedagogi yang berkesan dalam konteks sekolah rendah di Malaysia. Walaupun terdapat bukti kukuh mengenai keberkesanan *flow map* dalam bahasa Inggeris dan bagi murid *English as a Second Language* (ESL), namun kajian khusus tentang penggunaannya dalam pengajaran Bahasa Tamil dan dalam kalangan murid Tahun 5 masih terhad. Oleh itu, kajian ini bertujuan meneliti kesan penggunaan peta alir terhadap pencapaian penulisan karangan naratif murid Tahun 5 dalam subjek Bahasa Tamil. Kajian ini diharapkan dapat mengisi jurang sedia ada serta menyediakan panduan pedagogi yang lebih tepat kepada guru di sekolah rendah, khususnya dalam konteks mata pelajaran Bahasa Tamil.

### Latar Belakang Kajian

Pendidikan Bahasa Tamil di Malaysia merupakan sebahagian daripada sistem pendidikan vernakular yang bertujuan untuk mengekalkan warisan bahasa dan budaya masyarakat India di negara ini. Di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), Bahasa Tamil diajar sebagai bahasa pengantar utama untuk sebahagian besar mata pelajaran, termasuk Bahasa Tamil sebagai subjek teras. Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai cabaran dalam memperkukuh penguasaan bahasa ini dalam kalangan murid, khususnya dari aspek literasi dan kemahiran menulis. Menurut Ramalingam et al. (2022), murid Tamil di sekolah rendah sering menghadapi kesukaran dalam menulis ayat yang koheren, membina jalan cerita yang tersusun, dan menyampaikan emosi serta pengalaman dalam penulisan naratif.

Kemahiran menulis karangan naratif dalam Bahasa Tamil bukan sahaja melibatkan struktur bahasa, malah turut menuntut keupayaan berfikir secara kreatif, mengolah idea, dan menyusun cerita berdasarkan urutan logik. Penulisan naratif membantu murid meluahkan pemikiran secara sistematik dan merupakan salah satu bentuk penilaian penting dalam kurikulum Bahasa Tamil. Menurut Subramaniam et al. (2022), murid sekolah rendah menunjukkan prestasi yang rendah dalam komponen idea dan struktur karangan naratif, yang berpunca daripada kelemahan dalam merancang dan menyusun isi secara teratur. Hal ini menunjukkan perlunya intervensi pedagogi yang boleh menyokong proses merancang sebelum menulis.

Salah satu pendekatan yang berkesan ialah penggunaan alat bantu visual seperti peta alir (*flow map*), yang membantu murid menyusun urutan peristiwa dan idea sebelum menulis. *Flow map* berfungsi sebagai *graphic organizer* yang menyediakan rangka cerita dalam bentuk visual, memudahkan murid untuk memahami struktur naratif seperti permulaan, konflik, klimaks, dan penyelesaian. Selvaraj dan Aziz (2020) menyatakan bahawa penggunaan peta alir dalam kalangan murid sekolah rendah membawa peningkatan yang signifikan dalam pencapaian penulisan naratif serta meningkatkan keyakinan murid terhadap kebolehan dalam penulisan. Pendekatan ini juga membina kemahiran berfikir secara tersusun dan kritikal dalam proses penulisan.

Dalam konteks pendidikan kontemporari, guru digalakkan untuk menggunakan kaedah pengajaran yang inovatif dan berpusatkan murid bagi meningkatkan keberkesanan pembelajaran. Pendekatan seperti pembelajaran berasaskan inkuiri, penggunaan bahan bantu visual, dan strategi penulisan berperingkat telah terbukti berkesan dalam meningkatkan penglibatan murid dan pencapaian akademik. Westbrook et al. (2013) menyatakan bahawa strategi pedagogi berpusatkan murid mempunyai impak positif terhadap kemahiran literasi kerana ia memberi ruang kepada pelajar untuk meneroka, bertanya, dan membina kefahaman secara aktif. Justeru, penggunaan peta alir sebagai alat pedagogi visual merupakan kaedah kontemporari yang selaras dengan amalan pengajaran abad ke-21.

Namun, kajian yang secara khusus menilai keberkesanan penggunaan peta alir dalam penulisan karangan naratif Bahasa Tamil masih terhad, terutamanya dalam kalangan murid sekolah rendah di Malaysia. Kebanyakan kajian tertumpu kepada Bahasa Inggeris dan murid ESL, manakala aplikasi dalam konteks bahasa vernakular seperti Tamil kurang diberi perhatian. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meneliti sejauh mana penggunaan peta alir dapat membantu murid Tahun 5 dalam menghasilkan karangan naratif yang lebih teratur, kreatif dan berkualiti dalam subjek Bahasa Tamil. Dapatan kajian ini dijangka dapat menyumbang kepada peningkatan strategi pengajaran Bahasa Tamil dan menyokong dasar memperkasakan pendidikan bahasa vernakular di Malaysia.

### **Kaedah Peta Alir Dalam Penulisan Karangan Naratif**

Kaedah peta alir merupakan pendekatan grafik yang digunakan untuk membantu murid merancang, mengorganisasi dan menyusun idea secara sistematik sebelum menulis karangan naratif. Dalam konteks pengajaran penulisan, peta alir membolehkan murid melihat gambaran keseluruhan cerita secara visual, bermula daripada pengenalan, perkembangan konflik, klimaks, sehinggalah kepada penyelesaian cerita. Kaedah ini bukan sahaja menjadikan proses penulisan lebih terancang, malah meningkatkan kefahaman murid terhadap struktur naratif yang lengkap dan logik (Norliza, Zulkifli & Abdul Munir, 2021). Kejelasan visual dalam peta alir membantu murid menyusun idea dalam urutan yang betul, sekali gus mengelakkan cerita yang bercelaru dan tidak berfokus.

Selain itu, peta alir turut meningkatkan keupayaan murid untuk menjana kandungan yang relevan dan menarik. Hal ini disokong oleh Ahmad Fikri dan Zamri (2019) yang mendapati bahawa teknik lakaran bersama peta alir *I-Think* berkesan dalam membantu murid etnik Lun Bawang menjana idea dalam penulisan karangan autobiografi. Aplikasi peta alir membantu murid menulis dengan lebih lancar kerana mereka sudah merangka isi penting yang ingin disampaikan terlebih dahulu. Ini amat berguna bagi murid yang lemah atau kurang yakin, kerana peta alir menjadi panduan sepanjang proses menulis.

Di samping itu, penggunaan peta alir dalam bilik darjah juga dapat meningkatkan penglibatan aktif murid dan menggalakkan pembelajaran berpusatkan murid. Kajian oleh Nooraqilah et al. (2025) menunjukkan bahawa pendekatan menggunakan peta cerita memberi kesan positif terhadap prestasi dan pengetahuan murid dalam penulisan karangan. Kaedah ini membolehkan murid meneroka idea secara berstruktur, menyambung fakta dengan jalan cerita secara logik serta memperkukuh elemen kreativiti mereka. Dengan adanya struktur peta alir yang fleksibel, murid boleh menyusun semula atau menambah elemen naratif mengikut imaginasi masing-masing tanpa kehilangan fokus utama cerita.

Peta alir dalam pengajaran Bahasa Tamil berperanan penting sebagai alat bantu visual yang dapat menyokong perkembangan kemahiran menulis murid secara menyeluruh. Dalam konteks penulisan karangan naratif, peta alir membantu murid Tamil merancang jalan cerita mengikut urutan logik seperti pengenalan, konflik, klimaks, dan penyelesaian. Hal ini amat penting kerana sebahagian besar murid menghadapi kesukaran untuk menyusun idea dan memperkembangkan isi penulisan secara teratur. Dengan menggunakan peta alir, murid dapat mengenal pasti elemen utama dalam cerita dan memetakan kaitan antara peristiwa secara lebih mudah dan tersusun. Kajian terdahulu turut menunjukkan bahawa pendekatan visual seperti peta alir mampu meningkatkan motivasi, tumpuan, dan kualiti hasil penulisan murid Tamil, khususnya dalam memperkukuh penggunaan tatabahasa dan kosa kata yang sesuai (Norliza Abdullah et al., 2021). Oleh itu, peta alir merupakan strategi pedagogi yang berkesan untuk memperkasakan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil di peringkat sekolah rendah.



**Rajah 1: Peta Alir dalam Penulisan Bahasa Tamil**

Akhir sekali, peta alir terbukti sebagai alat sokongan kognitif yang mampu membantu murid mengembangkan kemahiran berfikir secara kritis dan reflektif dalam penulisan. Graham dan Alves (2021) menjelaskan bahawa alat grafik seperti peta alir dapat memudahkan murid dalam merancang, memantau, dan menyemak semula penulisan mereka. Dalam konteks pembelajaran abad ke-21, strategi pengajaran yang melibatkan visualisasi dan pemikiran aras tinggi amat penting untuk melahirkan penulis muda yang bukan sahaja cekap dari segi teknikal, malah berdaya saing dari segi idea dan kreativiti.

### **Pernyataan Masalah**

Kajian menunjukkan bahawa ramai murid sekolah rendah menghadapi kesukaran dalam menyusun karangan naratif yang koheren dan kreatif. Murid sering gagal menggabungkan idea secara logik, membina premis cerita yang padat serta menyampaikan naratif yang menarik (Muliani et al., 2019). Kekurangan kemahiran merancang dan struktur yang jelas menyebabkan karangan naratif murid menjadi lemah dari segi isi dan kesan dramatik, sekali gus menjejaskan pencapaian mereka. Isu ini penting kerana kemampuan menulis naratif berkualiti merupakan salah satu indikator literasi kritikal di peringkat sekolah rendah.

Dalam konteks pendidikan Bahasa Tamil, penguasaan kemahiran menulis dalam kalangan murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) masih berada pada tahap membimbangkan. Analisis keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2019 menunjukkan bahawa hanya 40.11% murid SJKT mencapai tahap penguasaan yang memuaskan dalam komponen pemahaman dan penulisan Bahasa Melayu (Thirugnana et al., 2024). Walaupun data ini merujuk kepada pencapaian dalam Bahasa Melayu, ia secara tidak langsung mencerminkan cabaran yang sama dalam penguasaan penulisan Bahasa Tamil. Hal ini demikian kerana kedua-dua subjek menuntut kemahiran bahasa bertulis yang kukuh dan berstruktur.



Tambahan pula, beberapa kajian telah menunjukkan bahawa fenomena *interferens* bahasa pertama turut memberi kesan negatif terhadap kemahiran menulis murid. Struktur tatabahasa Bahasa Tamil yang tidak difahami secara menyeluruh boleh menyebabkan murid melakukan kesalahan dalam penulisan bahasa lain serta pada masa yang sama menjejaskan perkembangan penulisan dalam bahasa ibunda sendiri. Menurut Maniam et al. (2020), kelemahan dalam penguasaan tatabahasa Bahasa Tamil boleh mengakibatkan kesukaran dalam menyampaikan idea secara sistematik dan mengurangkan ketepatan linguistik dalam penulisan. Oleh itu, asas yang kukuh dalam bahasa pertama amat penting sebagai landasan untuk perkembangan literasi dalam mana-mana bahasa tambahan.

Situasi ini menimbulkan beberapa persoalan penting berkaitan tahap keupayaan murid Tahun 5 di SJKT dalam menghasilkan karangan naratif Bahasa Tamil yang teratur, kreatif dan berkualiti. Antara persoalan utama ialah faktor-faktor yang menyumbang kepada kelemahan dalam penulisan naratif serta strategi pedagogi yang sesuai untuk menangani isu tersebut. Dalam hal ini, intervensi melalui penggunaan alat bantu visual seperti peta alir dilihat sebagai pendekatan yang berpotensi untuk membantu murid merancang dan menyusun isi karangan dengan lebih tersusun.

Selain itu, isu kelemahan literasi dalam kalangan murid SJKT turut disokong oleh data nasional. Laporan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM, 2019) menunjukkan bahawa hanya 40.11% murid SJKT mencapai tahap penguasaan memuaskan dalam komponen pemahaman dan penulisan Bahasa Melayu dalam UPSR. Walaupun data rasmi literasi Bahasa Tamil tidak dilaporkan secara khusus, dapatan ini memberi gambaran bahawa murid SJKT menghadapi cabaran yang hampir sama dalam bahasa ibunda mereka, kerana kedua-dua bahasa menuntut penguasaan kemahiran asas membaca, memahami, dan menulis. Laporan kajian literasi kebangsaan juga menunjukkan jurang pencapaian yang ketara antara murid bandar dan luar bandar, dengan murid sekolah Tamil di kawasan pedalaman lebih terdedah kepada kelemahan literasi (Rajendran, 2021).

Keunikan kajian ini terletak pada fokus khusus terhadap penulisan naratif Bahasa Tamil bagi murid Tahun 5. Kebanyakan kajian literasi Tamil sedia ada menumpukan perhatian pada kemahiran asas membaca atau penulisan awal di peringkat rendah (Tahun 1–3), manakala tahap pertengahan (Tahun 5) masih kurang diberi perhatian. Tahap ini amat kritikal kerana murid dijangka telah mempunyai asas literasi yang kukuh dan bersedia menguasai penulisan naratif yang lebih kompleks. Sekiranya kelemahan masih wujud pada peringkat ini, ia bukan sahaja menjejaskan pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Tamil, tetapi juga boleh menghalang perkembangan kemahiran bahasa lain dan menjejaskan prestasi akademik keseluruhan murid.

Jika jurang literasi ini tidak ditangani, implikasi praktikalnya adalah besar. Murid yang gagal menguasai penulisan naratif akan berdepan dengan kelemahan literasi asas berterusan, yang boleh menjejaskan keupayaan mereka memahami teks berayat panjang dalam mata pelajaran lain seperti Sains dan Sejarah. Hal ini boleh mengakibatkan prestasi akademik keseluruhan merosot, di samping menimbulkan risiko keciciran dalam kalangan murid SJKT. Lebih jauh lagi, kelemahan dalam penguasaan literasi Tamil juga berpotensi menjejaskan pembangunan identiti linguistik dan budaya masyarakat Tamil di Malaysia. Oleh itu, penyelidikan yang menilai keberkesanan penggunaan peta alir dalam meningkatkan kemahiran penulisan naratif Tahun 5 adalah signifikan, bukan sahaja dari sudut akademik, tetapi juga dari segi sosial dan budaya.

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meneroka keberkesanan penggunaan peta alir dalam meningkatkan kemahiran penulisan karangan naratif Bahasa Tamil dalam kalangan murid Tahun 5. Melalui pendekatan ini, diharapkan guru dapat mengaplikasikan strategi yang lebih berfokus dan mesra murid, sekali gus memperkukuh pencapaian literasi dalam kalangan murid di sekolah vernakular Tamil. Implikasi kajian ini juga diharapkan dapat menyumbang kepada pembangunan pedagogi yang lebih berkesan dan relevan dalam konteks pendidikan Bahasa Tamil di Malaysia. Berikut adalah objektif kajian ini:

1. Mengetahui pasti perbezaan pencapaian dalam penulisan karangan naratif Bahasa Tamil antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan.
2. Mengukur tahap keberkesanan penggunaan peta alir dalam meningkatkan aspek struktur, kandungan, dan bahasa dalam penulisan karangan naratif Bahasa Tamil murid Tahun 5.
3. Mengetahui pasti perubahan skor pencapaian penulisan naratif Bahasa Tamil murid Tahun 5 dalam kumpulan eksperimen sebelum dan selepas pelaksanaan intervensi menggunakan peta alir.

### Ulasan Karya

Kajian mengenai penulisan karangan dalam Bahasa Tamil di Malaysia dari tahun 2020 hingga 2025 menunjukkan pelbagai pendekatan telah digunakan oleh penyelidik untuk meningkatkan mutu penulisan murid. Secara umum, usaha ini tertumpu kepada penguasaan aspek kandungan, organisasi, dan khususnya bahasa, termasuk tatabahasa, kosa kata, struktur ayat serta gaya penyampaian. Walaupun kajian-kajian ini berbeza dari segi kaedah dan jenis karangan, dapatan mereka memberi gambaran tentang keperluan inovasi dalam pengajaran karangan Tamil.

Kajian oleh Rathneswary et al. (2021) misalnya menekankan pendekatan bacaan kritikal untuk memperbaiki kemahiran menulis karangan dalam kalangan murid Tingkatan Dua. Hasil kajian menunjukkan pendedahan kepada bacaan kritikal dapat memperkayakan kosa kata, mengurangkan kesalahan tatabahasa serta memperkukuh gaya penyampaian. Dapatan ini penting kerana ia membuktikan bahawa strategi pengajaran yang menggalakkan murid memahami struktur teks melalui bacaan boleh menyumbang kepada penambahbaikan aspek bahasa dalam penulisan Tamil.

Sementara itu, kajian oleh Anusia dan Muniisvaran (2024) meneliti amalan pengajaran guru karangan fakta dalam kalangan guru Tamil sekolah rendah. Kajian mendapati bahawa walaupun guru memberi tumpuan kepada pengajaran kandungan, pendekatan yang digunakan masih bersifat tradisional dan berpusatkan guru. Dari segi bahasa, murid kurang diberikan latihan khusus untuk memperkukuh tatabahasa dan kosa kata secara sistematik. Hal ini menimbulkan persoalan tentang keberkesanan kaedah pengajaran sedia ada dalam membina kecekapan bahasa murid ketika menghasilkan karangan.

Pendekatan berasaskan rangsangan visual turut dibuktikan melalui kajian Thannimalai dan Ponniah (2024) yang menggunakan animasi kartun dalam penulisan karangan fakta murid Tahun Empat. Kajian ini menunjukkan murid bukan sahaja lebih bermotivasi untuk menulis, malah terdapat peningkatan dalam ketepatan bahasa, penggunaan kosa kata yang lebih luas, serta struktur ayat yang lebih kompleks selepas pendedahan kepada animasi. Hal ini menunjukkan potensi penggunaan bahan bantu visual dalam menyokong perkembangan bahasa murid ketika menulis karangan Tamil.

Selain itu, Sukumaran dan Ponniah (2025) mengaplikasikan teknik PEELER dalam pendekatan mastery untuk penulisan karangan debat murid Tingkatan Lima. Kajian ini menegaskan bahawa penggunaan struktur perenggan yang jelas mampu meningkatkan koherensi hujah dan memperbaiki tatabahasa serta gaya bahasa formal dalam penulisan. Walaupun fokusnya pada karangan debat, dapatan ini mengesahkan bahawa strategi berstruktur dapat membantu murid menghasilkan ayat yang lebih kemas dan tepat dalam Bahasa Tamil.

Secara keseluruhannya, kajian-kajian terdahulu di Jadual 1 memperlihatkan usaha berterusan untuk meningkatkan kualiti penulisan karangan Bahasa Tamil, khususnya dari sudut bahasa seperti tatabahasa, kosa kata, dan struktur ayat. Pelbagai pendekatan telah digunakan, antaranya bacaan kritikal, penggunaan rangsangan visual seperti animasi kartun, serta teknik perenggan berstruktur seperti PEELER, yang terbukti mampu meningkatkan aspek bahasa dan gaya penulisan murid. Walau bagaimanapun, kebanyakan penyelidikan lebih menumpukan pada peringkat menengah atau penulisan karangan fakta di sekolah rendah, sedangkan penulisan naratif masih kurang diberi perhatian. Tambahan pula, tiada kajian yang menilai secara khusus keberkesanan penggunaan peta alir sebagai alat bantu visual dalam mengukuhkan penguasaan bahasa, kosa kata, dan struktur ayat murid sekolah rendah, khususnya Tahun Lima. Oleh itu, jurang inilah yang menjustifikasikan perlunya satu kajian baharu bagi meneliti keberkesanan peta alir dalam meningkatkan aspek struktur, kandungan, dan bahasa dalam penulisan karangan naratif Bahasa Tamil.

**Jadual 1: Matriks Ringkasan Ulasan Karya (2020–2025)**

Tahun	Penulis & Tajuk Kajian (ringkas)	Reka Bentuk / Sampel	Fokus Kajian	Dapatan (Bahasa) Utama	Kelemahan / Jurang
2021	Rathneswary, Menu & Sujetha – Critical Reading Approach	Kuasi-eksperimen, murid Ting. 2	Bacaan kritikal untuk karangan Tamil	Peningkatan kosa kata, gaya bahasa lebih tepat, kurang kesalahan tatabahasa	Fokus menengah, bukan naratif sekolah rendah
2024	Anusia & Muniisvaran – Teaching Practices in Tamil Essays	Kualitatif (temu bual 6 guru, SJKT)	Amalan guru dalam pengajaran karangan fakta	Guru fokus kandungan, kurang latihan khusus tatabahasa & kosa kata	Bersifat deskriptif, tiada intervensi, bukan naratif
2024	Menaga & Karthees – Cartoon Animation in Essay Writing	Kuasi-eksperimen, 64 murid Tahun 4	Animasi kartun dalam karangan fakta	Bahasa lebih tepat, kosa kata lebih luas, struktur ayat lebih baik	Fokus karangan fakta, bukan naratif, bukan Tahun 5
2025	Vasumathy & Karthees – Mastery Approach with PEELER	Eksperimen, pelajar Ting. 5	Teknik PEELER dalam karangan debat	Struktur perenggan lebih jelas, tatabahasa lebih tepat, bahasa formal meningkat	Fokus menengah, karangan debat, tiada visual organizer

### Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi-eksperimental dengan pendekatan ujian pra dan ujian pasca bagi menilai keberkesanan penggunaan peta alir dalam meningkatkan kemahiran penulisan karangan naratif Bahasa Tamil. Dua kumpulan murid dipilih iaitu, kumpulan eksperimen yang menerima intervensi menggunakan peta alir dan kumpulan kawalan yang mengikuti kaedah pengajaran tradisional tanpa peta alir. Reka bentuk ini membolehkan perbandingan pencapaian antara kumpulan serta analisis perubahan dalam kumpulan eksperimen sebelum dan selepas intervensi. Populasi kajian terdiri daripada murid Tahun 5 di sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) X, di Kedah. Sampel kajian terdiri daripada



40 orang murid Tahun 5 yang dipilih secara pensampelan bertujuan dan kemudiannya diagihkan secara rawak kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan eksperimen (20 orang) dan kumpulan kawalan (20 orang). Pemilihan sampel ini bertujuan memastikan kedua-dua kumpulan mempunyai bilangan murid yang seimbang untuk membolehkan analisis statistik yang sah. Instrumen utama kajian ini adalah ujian penulisan karangan naratif Bahasa Tamil yang dijalankan dalam dua fasa, iaitu ujian pra (*pre-test*) sebelum intervensi dan ujian pasca (*post-test*) selepas pelaksanaan intervensi. Ujian ini dinilai berdasarkan kriteria standard penilaian penulisan naratif termasuk aspek struktur cerita, kandungan, bahasa dan kreativiti. Rubrik penilaian disediakan dan digunakan oleh dua penilai bebas bagi memastikan kebolehpercayaan keputusan penilaian. Kajian dilaksanakan dalam tempoh enam minggu. Pada minggu pertama, kedua-dua kumpulan menjalani ujian pra untuk menilai tahap kemahiran penulisan naratif sebelum intervensi. Seterusnya, kumpulan eksperimen diberikan pengajaran menggunakan teknik peta alir selama empat minggu, manakala kumpulan kawalan meneruskan pengajaran seperti biasa tanpa menggunakan peta alir. Pada minggu terakhir, kedua-dua kumpulan menjalani ujian pasca menggunakan instrumen yang sama untuk mengukur perubahan pencapaian penulisan. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan ujian statistik sesuai untuk membandingkan perbezaan antara kumpulan dan perubahan dalam kumpulan eksperimen.

### Dapatan Kajian

Penganalisan data dilakukan berdasarkan tiga objektif kajian utama. Analisis statistik yang bersesuaian iaitu, ujian-t bebas dan ujian-t berpasangan digunakan untuk menjawab setiap objektif tersebut.

### Perbezaan Pencapaian dalam Penulisan Karangan Naratif Bahasa Tamil antara Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan

Bagi mengenal pasti perbezaan pencapaian antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan selepas pelaksanaan intervensi, analisis Ujian-t sampel bebas (*independent samples t-test*) telah dijalankan terhadap skor ujian pasca bagi kedua-dua kumpulan. Skor ujian ditentukan berdasarkan jumlah markah maksimum sebanyak 40 markah berasaskan rubrik penulisan naratif yang merangkumi aspek struktur, kandungan, dan penggunaan bahasa.

Dapatan dalam Jadual 2 menunjukkan bahawa min skor kumpulan eksperimen adalah lebih tinggi (Min = 32.85, SP = 3.21) berbanding kumpulan kawalan (Min = 27.30, SP = 4.05). Hasil ujian-t seperti ditunjukkan dalam Jadual tersebut mendapati terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara kedua-dua kumpulan, dengan nilai  $t(38) = 4.65, p < 0.005$ . Penemuan ini membuktikan bahawa penggunaan peta alir dalam pengajaran penulisan naratif telah memberikan kesan positif dan signifikan terhadap prestasi murid dalam kumpulan eksperimen. Secara keseluruhan, dapatan ini menyokong andaian bahawa intervensi pengajaran menggunakan peta alir lebih berkesan berbanding kaedah pengajaran konvensional dalam meningkatkan pencapaian penulisan karangan naratif Bahasa Tamil dalam kalangan murid Tahun 5.

**Jadual 2: Perbandingan Min dan Sisihan Piawai Skor Ujian Pasca antara Kumpulan Eksperimen dan Kawalan**

Kumpulan	N	df	Min	Sisihan Piawai (SP)	t	p
Kawalan	20	38	27.30	4.05	4.65	0.000
Eksperimental	20		32.85	3.21		

\*Signifikan pada tahap 0.05

### Perbezaan Pencapaian dalam Penulisan Karangan Naratif Bahasa Tamil antara Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan

Bagi memenuhi objektif ini, skor penulisan karangan naratif daripada ujian pasca kumpulan eksperimen dianalisis berdasarkan tiga komponen utama dalam rubrik penulisan, iaitu struktur cerita, kandungan cerita, dan penggunaan bahasa. Setiap komponen diperuntukkan skor maksimum sebanyak 10 markah, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 30 markah. Analisis deskriptif digunakan untuk menentukan tahap pencapaian bagi setiap komponen selepas pelaksanaan intervensi peta alir.

**Jadual 3: Min dan Sisihan Piawai bagi Aspek Penulisan Karangan dalam Kumpulan Eksperimen (Ujian Pasca)**

Kumpulan	Min	Sisihan Piawai (SP)	Tahap Pencapaian
Kawalan	8.45	0.88	Tinggi
Eksperimental	8.10	1.15	Tinggi
Penggunaan Bahasa	7.75	1.32	Sederhana Tinggi

Dapatan dalam Jadual 3 menunjukkan bahawa aspek struktur cerita mencatatkan min tertinggi, iaitu 8.45 (SP = 0.88), diikuti oleh aspek kandungan cerita dengan min 8.10 (SP = 1.15). Sementara itu, penggunaan bahasa mencatatkan min yang lebih rendah iaitu 7.75 (SP = 1.32), namun masih berada dalam kategori tahap sederhana tinggi. Ini menunjukkan bahawa penggunaan peta alir membantu murid menyusun jalan cerita dengan lebih sistematik serta menghasilkan kandungan yang relevan dan terperinci.

Secara keseluruhannya, analisis ini menunjukkan bahawa intervensi peta alir dalam pengajaran penulisan karangan naratif memberi impak positif terhadap ketiga-tiga aspek utama penulisan, dengan peningkatan paling ketara dalam aspek struktur cerita.

### Perubahan Skor Pencapaian Penulisan Naratif Bahasa Tamil Murid Tahun 5 dalam Kumpulan Eksperimen Sebelum dan Selepas Pelaksanaan Intervensi Menggunakan Peta Alir.

Bagi mencapai objektif ini, skor penulisan karangan naratif murid dalam kumpulan eksperimen dibandingkan antara ujian pra dan ujian pasca. Skor maksimum yang diperuntukkan ialah 40 markah berdasarkan rubrik penilaian yang merangkumi aspek struktur cerita, kandungan, dan bahasa. Analisis menggunakan ujian-t berpasangan (*paired sample t-test*) dijalankan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik dalam pencapaian murid sebelum dan selepas pelaksanaan intervensi menggunakan peta alir.

**Jadual 4: Per Min dan Sisihan Piawai Skor Ujian Pra dan Pasca dalam Kumpulan Eksperimen**

Ujian	N	df	Min	Sisihan Piawai (SP)	t	p
Ujian Pra	20	19	26.60	4.35	8.12	0.000
Ujian Pasca	20		32.85	3.21		

\*Signifikan pada tahap 0.05

Dapatan menunjukkan bahawa min skor penulisan naratif murid dalam kumpulan eksperimen meningkat daripada 25.60 (SP = 4.35) dalam ujian pra kepada 32.85 (SP = 3.21) dalam ujian pasca selepas pelaksanaan intervensi. Hasil ujian-t berpasangan menunjukkan wujud perbezaan yang signifikan secara statistik antara kedua-dua skor tersebut, dengan nilai  $t(19) = 8.12$ ,  $p < 0.001$ . Ini membuktikan bahawa intervensi menggunakan peta alir memberikan kesan positif yang ketara terhadap pencapaian penulisan naratif murid.

### Perbincangan Kajian

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan peta alir dalam pengajaran penulisan karangan naratif Bahasa Tamil memberikan kesan positif yang signifikan terhadap pencapaian murid Tahun 5. Peningkatan skor yang ketara dalam kumpulan eksperimen selepas intervensi serta perbezaan yang signifikan antara kumpulan eksperimen dan kawalan membuktikan keberkesanan strategi ini. Penemuan ini sejajar dengan dapatan kajian oleh Norliza, Zulkifli dan Abdul Munir (2021) yang mendapati bahawa penggunaan peta pemikiran dalam penulisan karangan membantu murid menyusun idea dengan lebih tersusun dan sistematik, sekali gus meningkatkan kualiti karangan mereka secara menyeluruh. Dalam konteks kajian ini, murid dapat merancang struktur naratif seperti pengenalan, konflik, klimaks dan penutup dengan lebih berkesan melalui penggunaan peta alir.

Selain itu, peningkatan dalam aspek kandungan dan penggunaan bahasa dalam penulisan juga selari dengan dapatan kajian Ahmad Fikri dan Zamri Mahamod (2019) yang menekankan teknik lakaran peta alir *I-Think* sebagai alat untuk membantu murid etnik Lun Bawang menghasilkan karangan autobiografi yang lebih bermakna dan lengkap. Mereka dapati bahawa peta alir membantu murid menghubungkan idea berdasarkan pengalaman serta mengembangkan isi dengan lebih kreatif. Dapatan ini memperkukuh hasil kajian semasa yang menunjukkan bahawa murid eksperimen bukan sahaja meningkatkan struktur naratif, tetapi turut menunjukkan peningkatan dalam aspek kandungan dan bahasa yang digunakan.

Nooraqilah et al. (2025) turut menyokong keberkesanan penggunaan alat visual seperti peta cerita dalam membantu murid memahami dan mengaplikasikan struktur penulisan secara lebih terancang. Mereka menekankan bahawa pendekatan visual memberi peluang kepada murid mengenal pasti elemen penting dalam karangan sebelum menulis, sekali gus memperkukuh prestasi penulisan. Hal ini dibuktikan dalam kajian ini apabila murid eksperimen menunjukkan peningkatan skor yang ketara dalam ujian pasca, khususnya dalam aspek struktur cerita.

Selain itu, pendekatan pengajaran berasaskan visual seperti story mapping juga didapati efektif dalam konteks antarabangsa. Jameel (2022) dalam kajiannya melaporkan bahawa teknik *story mapping* memberi kesan positif terhadap struktur dan perincian karangan pelajar, manakala Melissa Susiawati dan Elih Yanto (2022) mendapati bahawa peta cerita membantu pelajar memahami susunan logik cerita dan memperkukuh fokus utama dalam penulisan naratif. Hasil kajian ini menunjukkan corak yang sama apabila murid eksperimen menunjukkan penguasaan yang lebih baik dalam menyusun urutan cerita yang koheren dan bermakna.

Dalam konteks teori pengajaran menulis, Graham dan Alves (2021) menegaskan bahawa strategi grafik seperti peta alir membantu pelajar merancang, mengorganisasi dan menyemak penulisan dengan lebih berkesan. Ini disokong oleh dapatan kajian ini yang menunjukkan peningkatan prestasi yang signifikan selepas intervensi. Selain itu, kajian oleh Zikri, Taufina dan Marlina (2020) turut mengesahkan keberkesanan penggunaan "*graphic organizer story*

map” dalam meningkatkan kemampuan menulis naratif dalam kalangan murid sekolah rendah, terutamanya dalam menjelaskan plot cerita dan mengembangkan isi.

Namun begitu, berbeza dengan pendekatan guru sepenuhnya, Anissa et al. (2019) menunjukkan bahawa campur tangan rakan sebaya melalui maklum balas turut memainkan peranan dalam meningkatkan kualiti penulisan. Walaupun kajian ini tidak melibatkan strategi kolaboratif, dapatan menyarankan bahawa kombinasi antara pendekatan visual dan interaktif boleh menghasilkan kesan yang lebih mendalam terhadap pembelajaran penulisan. Tambahan lagi, kajian oleh Peng dan Jinah (2020) menekankan kepentingan motivasi dan sikap guru dalam pelaksanaan strategi berkesan seperti *Think-Pair-Share*, yang berkongsi matlamat yang sama dengan penggunaan peta alir iaitu menjadikan proses menulis lebih terancang dan difahami murid.

Akhir sekali, dapatan kajian ini juga menyokong pendekatan pengajaran kontekstual seperti yang dibincangkan oleh Rahman dan Ekkayokkaya (2024) dalam kajian mereka terhadap penulisan analitis. Walaupun fokus mereka adalah pada teks ekspositori, prinsip asas yang diguna pakai dalam kaedah kontekstual seperti membina pengetahuan baharu melalui pemetaan idea sedia ada tetapi seiring dengan penggunaan peta alir dalam kajian ini.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini tidak hanya menegaskan keberkesanan penggunaan peta alir dalam meningkatkan kemahiran penulisan naratif Bahasa Tamil, tetapi juga memperkukuh bukti bahawa alat grafik berstruktur dapat menyokong pemikiran murid secara visual, kreatif, dan kognitif dalam proses penghasilan karangan yang berkualiti.

### **Implikasi Kajian**

Dapatan kajian ini memberikan implikasi penting kepada guru-guru Bahasa Tamil di sekolah rendah. Kajian ini membuktikan bahawa penggunaan peta alir dapat membantu murid merancang serta mengorganisasikan idea secara sistematik sebelum menulis. Oleh itu, guru disarankan untuk mengintegrasikan alat bantu visual seperti peta alir dalam proses pengajaran penulisan karangan, khususnya bagi topik berbentuk naratif. Teknik ini juga berupaya mengurangkan kekeliruan murid dalam mengatur jalan cerita, sekali gus meningkatkan kualiti penulisan mereka. Bagi murid, penggunaan peta alir berfungsi bukan sahaja sebagai alat perancangan tetapi juga sebagai medium untuk mengembangkan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis. Melalui peta alir, murid dapat mengenal pasti hubungan antara peristiwa, membina kesinambungan cerita, dan memperkukuh aspek bahasa dan kandungan. Peningkatan prestasi dalam ujian pasca membuktikan bahawa pendekatan ini sesuai untuk pelajar pelbagai tahap kemampuan, termasuk murid yang sederhana dan lemah.

Dari sudut pentadbiran sekolah, dapatan ini memberikan justifikasi kukuh untuk melaksanakan latihan serta bengkel pedagogi inovatif kepada guru, khususnya berkaitan penggunaan alat bantu grafik dalam bilik darjah. Pentadbir boleh menyokong inisiatif ini melalui peruntukan sumber, masa dan insentif kepada guru yang ingin mencuba pendekatan pengajaran alternatif seperti peta alir. Pendekatan ini juga boleh diperluas kepada mata pelajaran lain yang melibatkan kemahiran menulis atau penghasilan idea yang kompleks.

Selain itu, dapatan kajian memberi implikasi kepada pembuat dasar dan penggubal kurikulum, khususnya dalam menilai semula pendekatan pengajaran penulisan dalam subjek Bahasa Tamil. Kurikulum semasa boleh dikemas kini dengan memasukkan elemen literasi visual dan strategi grafik seperti peta alir sebagai sebahagian daripada kemahiran asas penulisan. Dengan

pendekatan yang lebih fleksibel dan kreatif, murid boleh mencapai standard literasi yang lebih tinggi, seiring dengan keperluan pembelajaran abad ke-21.

Akhir sekali, kajian ini membuka ruang untuk penyelidikan lanjutan dalam bidang pedagogi Bahasa Tamil. Penyelidik boleh meneroka kesan jangka panjang penggunaan peta alir terhadap kemahiran menulis jenis karangan lain seperti deskriptif, ekspositori atau surat rasmi. Selain itu, kajian tindakan di peringkat bilik darjah juga boleh dijalankan untuk melihat keberkesanan intervensi ini dalam konteks sebenar pengajaran harian guru. Oleh itu, dapatan ini bukan sahaja menyumbang kepada pengetahuan sedia ada, tetapi turut menjadi pemangkin kepada inovasi dalam pedagogi penulisan.

### **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa penggunaan peta alir merupakan pendekatan pedagogi yang berkesan dalam meningkatkan kemahiran penulisan karangan naratif Bahasa Tamil murid Tahun 5. Melalui reka bentuk kuasi-eksperimental yang melibatkan ujian pra dan pasca terhadap kumpulan eksperimen serta kumpulan kawalan, didapati terdapat perbezaan pencapaian yang signifikan antara kedua-dua kumpulan, dengan kumpulan eksperimen menunjukkan peningkatan skor yang ketara selepas intervensi. Analisis terhadap aspek penulisan seperti struktur cerita, kandungan, dan penggunaan bahasa menunjukkan bahawa murid yang menggunakan peta alir lebih cenderung menghasilkan karangan yang tersusun, bermakna, dan menarik. Hal ini membuktikan bahawa peta alir bukan sahaja membantu dalam perancangan penulisan, tetapi juga memperkukuh kemahiran berfikir murid dalam menyusun serta mengembangkan idea secara sistematik.

Keberkesanan peta alir yang dibuktikan dalam kajian ini memberikan sumbangan bermakna kepada bidang pendidikan bahasa, khususnya dalam konteks pengajaran Bahasa Tamil di sekolah rendah. Dapatan ini turut menyokong dan memperkukuh penemuan kajian-kajian terdahulu yang menekankan keberkesanan alat bantu grafik dalam meningkatkan prestasi penulisan murid. Kajian ini seterusnya menegaskan keperluan guru-guru untuk meneroka strategi pengajaran yang lebih interaktif dan berunsur visual bagi meningkatkan penguasaan penulisan murid. Selain itu, penggubal kurikulum dan pentadbir sekolah disaran memberi perhatian kepada potensi pendekatan ini untuk dimanfaatkan secara lebih meluas dalam bilik darjah. Akhirnya, kajian ini bukan sahaja menambah nilai kepada amalan pengajaran sedia ada, malah membuka ruang kepada penyelidikan lanjutan yang boleh memperluas pemahaman tentang penggunaan peta alir dalam pelbagai konteks penulisan dan mata pelajaran. Dengan pendekatan yang bersifat inovatif dan murid-sentrik, kualiti penulisan murid dapat dipertingkatkan secara berterusan dan berkesan.

### **Penghargaan**

Setulus penghargaan dirakamkan kepada Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) kerana telah memberikan peluang yang amat bermakna kepada penulis dalam menyiapkan penulisan ini. Ruang yang disediakan bukan sahaja memperluas ufuk pengetahuan, malah turut memperkukuh kefahaman penulis dalam bidang penyelidikan bahasa dan komunikasi. Ucapan terima kasih tidak terhingga ditujukan kepada penyelia utama, Dr. Muniswaran, atas segala bimbingan, tunjuk ajar, nasihat bernas, serta dorongan yang berterusan. Komitmen dan keprihatinan beliau telah menjadi pemangkin semangat serta sumber inspirasi sepanjang proses penyelidikan dan penulisan karya ini. Seterusnya, penulis ingin menzahirkan penghargaan ikhlas kepada seluruh barisan pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi yang sentiasa mencurahkan ilmu, memberikan dorongan moral, serta sokongan



akademik yang amat bernilai. Sumbangan mereka telah membantu penulis menajamkan pemikiran dan menambah keyakinan dalam menyiapkan penulisan ini. Akhir kata, ucapan terima kasih turut ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang tidak pernah jemu memberikan sokongan, berkongsi pengetahuan, serta menjadi sandaran kekuatan sepanjang tempoh penulisan ini. Segala bantuan dan dorongan, sama ada besar mahupun kecil, amat dihargai dan akan sentiasa dikenang.

## Rujukan

- Ahmad Fikri Ab. Rahman, & Zamri Mahamod. (2019). Teknik lakaran bersama peta alir I-Think meningkatkan kemahiran menjana idea murid etnik Lun Bawang dalam karangan autobiografi. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(1), 12–22. <http://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/issue/view/54>
- Anusia, K., & Muniisvaran, K. (2024). Tamil language teachers' teaching practices for factual type essays in Tamil national type schools in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 13(1), 307–317.
- Graham, S., & Alves, R. A. (2021). Research and teaching writing. *Reading and Writing: An Interdisciplinary Journal*, 34, 1613–1621. <https://doi.org/10.1007/s11145-021-10188-9>
- Jameel, A. S. (2022). The effects of story mapping and hortatory exposition techniques on students' compositions. *Education Research International*, (1)1–11. <https://doi.org/10.1155/2022/4300692>
- Norliza Abdullah, Zulkifli Osman, & Abdul Munir Ismail. (2021). Kesan penggunaan peta pemikiran terhadap pengajaran penulisan karangan murid tahun lima. *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 32(1), 1–17. <https://doi.org/10.51200/manu.v32i1.3048>
- Nooraqilah Daud, Sri Kartika A. Rahman, Abu Bakar Madin & Noradinah Jaidi. (2025). Meningkatkan prestasi dan pengetahuan murid dalam penulisan karangan melalui penggunaan peta cerita. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 9(2). 35-53. <https://doi.org/10.33306/mjssh/318>
- Peng, C. F., & Jinah, N. A. A. (2020). Sikap, motivasi dan pelaksanaan strategi Think-Pair-Share dalam pengajaran kemahiran menulis guru Bahasa Melayu sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(1), 37–47. <https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/218/174>
- Rahman, A. F. A., & Mahamod, Z. (2019). Teknik lakaran bersama peta alir i-Think meningkatkan kemahiran menjana idea murid etnik Lun Bawang dalam karangan autobiografi. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(1), 12–22. <https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/188/155>
- Rahman, A. N. I., & Ekkayokkaya, M. (2024). The use of contextual teaching and learning approach on students' analytical exposition writing skills. *Indonesian Journal of Applied Linguistics*, 13(3), 455–467. <https://doi.org/10.17509/ijal.v13i3.66955>
- Rajendran, R., Mohan, M., & Ponnampalam, S. (2021). Critical reading as an approach to enhance essay writing in Tamil among Form 2 students. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(3), 41–53.
- Ramalingam, Khasturi and Yeo, Kee Jiar and Adnan, Nur Ilianis (2022). Challenges in the teaching of speaking skills in Tamil subject among the Indian students at the National Primary school. *International Journal of Practices in Teaching and Learning (IJPTL)*, 2(1). <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/76272>
- Salbrina Sharbawi, & Noor Hasharina Hassan (2021). The Malays of Brunei: An investigation of their family language policies. *Journal of Multilingual and Multicultural Development*, 45(4), 884–895. <https://colab.ws/articles/10.1080%2F01434632.2021.1931245>

- Selvaraj, S., & Aziz, A. A. (2020). Utilizing flow chart in writing narrative essay: English as second language students' perceptions. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(8), 159–172. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v10-i3/7017>
- Subramaniam, P., Kandasamy, R., & Muniandy, A. (2022). Enhancing narrative writing skills in tamil through process-based approach. *Asian Journal of Language and Education*, 6(1), 33–45. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARPED/v14-i1/23891>
- Sukumaran, V., & Ponniah, K. (2025). The effectiveness of the mastery approach in writing Tamil language debate essays among secondary school students using the PEELER technique. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 14(3), 151–165.
- Susiawati, M., & Yanto, E. (2022). Implementing Story Mapping in facilitating secondary school students in reading narrative text: An action research. *Jurnal Ilmiah Wahana Pendidikan*, 8(18), 577–589. <https://jurnal.untirta.ac.id/index.php/JELTS/article/download/25589/13228>
- Thannimalai, M., & Ponniah, K. (2024). Penggunaan animasi kartun dalam pembelajaran penulisan karangan fakta Bahasa Tamil. *International Journal of Education, Psychology and Counseling (IJEPC)*, 9(64), 161–174.
- Westbrook, J., Durrani, N., Brown, R., Orr, D., Pryor, J., Boddy, J., & Salvi, F. (2013). *Pedagogy, curriculum, teaching practices and teacher education in developing countries*. Education Rigorous Literature Review. Department for International Development (DFID), UK. <https://eppi.ioe.ac.uk/cms/LinkClick.aspx?fileticket=XHbLcIohFq0%3D&tabid=3437>
- Zikri, I., Taufina, T., & Marlina, M. (2020). Efektivitas graphic organizer story map terhadap kemampuan menulis narasi siswa di sekolah dasar. *Jurnal Basicedu*, 4(4), 1228–1235. <https://jbasic.org/index.php/basicedu/article/view/525>